



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perlis  
Kampus Arau

# Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:  
2022

## Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor  
UiTM Cawangan Perlis Bagi  
Tahun 2022

### Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama  
Bersama Korea Sports Promotion Foundation  
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),  
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun  
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi  
Kepakaran Kepada Komuniti  
Orang Asli Melalui ESKOM  
2022



Majlis Menandatangani Memorandum  
Perjanjian (MoA) Antara Universiti  
Teknologi MARA (UiTM) Dengan  
Universitas Gajah Mada (UGM)  
Indonesia

## EKSPLO SELANGKAH KE UiTM (ESKU) 2022 TERIMA SAMBUTAN MENGALAKKAN

Oleh:  
**Eliy Nazira Mat Nazir**  
**Shahrir Aizat Kamaruddin**

ARAU, 25-26 Jun – Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis hari ini berjaya menganjurkan program Ekspo Selangkah Ke UiTM (ESKU) 2022 yang berlangsung selama dua hari bermula 25 Jun sehingga 26 Jun 2022 bertempat di Dewan Seri Semarak, UiTM Cawangan Perlis. Program tersebut diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar lepasan SPM, STPM dan Diploma berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM di semua kampus cawangan seluruh negara.

Bukan hanya pelajar, ibu bapa dan ahli keluarga turut dilihat menemani anak masing-masing bagi mendapatkan maklumat dan peluang bersesuaian dengan keputusan para calon. Prof. Madya Ts. Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi, Rektor UiTM Cawangan Perlis dalam ucapannya berkata, sistem semakan selangkah yang dibangunkan oleh UiTM ini merupakan pemudah cara bagi para calon untuk menyemak kelayakan akademik masing-masing sesuai dengan keputusan SPM dan STPM yang diperolehi. Selain itu, peranan perunding akademik dari kalangan pensyarah kampus dalam membantu memberi khidmat nasihat kepada para calon berkenaan kursus dan pelan pengajian di UiTM semasa program ini berlangsung diharap dapat membantu para calon membuat keputusan yang terbaik semasa mengisi permohonan UPU mereka.

UiTM Cawangan Perlis sendiri mempunyai tujuh Fakulti dan dua buah Akademi Pengajian yang menawarkan program-program peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pascasiswazah. Selain itu, program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) dan iCEPS turut ditawarkan di kampus cawangan ini.

Turut hadir dalam program tersebut adalah barisan pengurusan kanan UiTM Cawangan Perlis serta para staf akademik dan bukan akademik.

